

30 NOV 2001

Muhammad-Sokongan

MUHAMMAD: UMNO S'GOR BERDIRI TEGUH BERSAMA-SAMA MB

SHAH ALAM, 30 Nov (Bernama) -- Umno Selangor berdiri teguh bersama-sama Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dalam usaha menangkis segala tohmahan yang dilempar yang ternyata fitnah, kata pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Tan Sri Muhammad Muhammed Taib hari ini.

Katanya mesyuarat badan perhubungan Umno negeri minggu lepas sebulat suara mengambil ketetapan demikian.

"Umno negeri disetiap peringkat sama ada cawangan, bahagian dan peringkat lebih tinggi lagi menyokong kepimpinan Menteri Besar sebagai ketua negeri," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan kuih Hari Raya kepada pasukan polis, pasukan gerak am, polis marin, tentera darat, laut dan udara, di sini hari ini.

Sebanyak 2,600 bungkusan yang mengandungi tujuh jenis kuih bernilai RM35,000 itu disumbangkan oleh Badan Perhubungan Umno Selangor dan dikelolakan oleh Perhubungan Pergerakan Wanita Umno Selangor.

Umno Selangor juga meminta Menteri Besar supaya terus bertugas seperti biasa, kata Muhammad ketika menyatakan pendirian Umno negeri mengenai isu berkaitan kelulusan tanah yang dimiliki Menteri Besar yang didakwa terdapat elemen rasuah.

Katanya kepimpinan Umno peringkat negeri akan turun ke peringkat bahagian bagi menerangkan perkara sebenar kepada anggota di peringkat akar umbi bahawa tohmahan ini adalah fitnah parti pembangkang.

Apa yang penting katanya, anggota dan kepimpinan Umno mesti teguh bersatu menghadapi serangan pihak musuh.

Muhammad yang juga Naib Presiden Umno berkata semua wakil rakyat di Selangor dikehendaki memberi laporan mengenai aktiviti-aktiviti yang mereka jalankan di kawasan masing-masing setiap bulan.

Laporan itu yang dikehendaki diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dr Mohamad Khir, mengandungi antara lain tanggung-jawab wakil rakyat dalam menjaga hal-ehwal pembangunan kawasan dan kebajikan rakyat.

-- BERNAMA

RIZ LAT